

16/11/2001

Equatorial Guinea mahu jadikan Malaysia model

PUTRAJAYA, Khamis - Kerajaan Equatorial Guinea berhasrat menjadikan Malaysia model pembangunan negaranya, termasuk dalam pembangunan infrastruktur, pengurusan sumber dan pengagihan kekayaan.

Kagum dengan pembangunan yang dicapai, mereka mengakui kerajaan Malaysia berjaya menguruskan sumber bumi dan negara dengan baik selain memastikan kekayaan negara itu dinikmati setiap lapisan rakyatnya.

Sehubungan itu, Equatorial Guinea berharap dapat berkongsi kemahiran dan pengalaman Malaysia dalam usaha memajukan negara itu, termasuk dalam bidang pendidikan, kesihatan awam dan pertanian.

Malah, dalam mesyuarat terhad dan mesyuarat delegasi kedua-dua negara itu petang tadi, negara terbabit turut meminta Malaysia membantu Equatorial Guinea melahirkan sebuah bandar atau Pusat kerajaan seperti Putrajaya.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kerajaan Equatorial Guinea meminta Malaysia menceburi bidang pertanian di negaranya, terutama ternakan ayam dan babi.

"Presidennya, Obiang Nguema Mbasogo mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan pelaburan beberapa syarikat tempatan di sana, seperti Petronas dlam bidang cari gali minyak dan gas, selain syarikat kayu-kayan dan pembinaan jalan raya," katanya.

(END)